

# Pengalaman wanita dan kanak-kanak menghadapi HIV dan Aids

S.H 15/01/09 M1507

**WANITA** merupakan populasi yang semakin cepat dijangkiti HIV di Malaysia. Tiga daripada lima kes HIV kalangan wanita dan kanak-kanak adalah menerusi hubungan seksual heteroseks. Trend jangkitan HIV wanita berbeza dibandingkan dengan lelaki yang dijangkiti melalui penggunaan dadah secara suntikan.

Sebagai pengguna dadah (DUs) – Wanita merangkumi dua peratus daripada populasi DU di Malaysia (Agensi Antidadah Kebangsaan). Kajian menunjukkan bahawa berlakunya kelakuan dan amalan berisiko yang bertindih iaitu hubungan seks dan penggunaan dadah di kalangan DU lelaki dan wanita. Penggunaan dadah juga wujud dalam populasi berisiko yang lain seperti pekerja seks.

> **Sebagai suri rumah tangga dan ketua keluarga** – Bilangan jangkitan HIV di kalangan suri rumah tangga adalah tertinggi di Kedah, Terengganu dan Kelantan. Purata tahunan sebanyak 300 kes HIV baru dilaporkan dalam kategori ini

> **Sebagai pekerja seks** – Wanita dan kanak-kanak dalam kategori ini sering tersisih dan mempunyai akses kepada perkhidmatan pencegahan HIV yang terhad. Amalan seks selamat oleh pekerja seks sering di sekat oleh faktor ekonomi. Seramai 482 pekerja seks dijangkiti HIV sehingga tahun 2006 (Kementerian Kesihatan, Ringkasan Kes HIV/Aids 2007).

> **Sebagai golongan muda** – Wanita muda dan kanak-kanak

perempuan sering terdedah kepada eksploitasi seksual dan keganasan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kajian kesihatan seksual menunjukkan bahawa semakin ramai golongan muda di negara ini melakukan hubungan seks sebelum berusia 18 tahun.

> **Sebagai wanita HIV positif** – Seramai 6834 wanita dan kanak-kanak perempuan dilaporkan dengan HIV sementara 1438 orang telah diklasifikasikan sebagai mengalami Aids (Kementerian

Kesihatan, 2007). Perkhidmatan kesihatan dan rawatan semakin mudah diperolehi dan tidak begitu mahal. Lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan diwujudkan di negeri-negeri bagi memberikan perkhidmatan sokongan kepada wanita dan kanak-kanak yang dijangkiti.

> **Sebagai pekerja asing** – Keadaan HIV di kalangan populasi pekerja asing itu tidak diketahui

kerana mereka yang dikesan mempunyai jangkitan tersebut akan dihantar pulang ke negara asal mereka. Sehingga 204, seramai 1,192 pekerja asing (majoriti wanita) dikesan HIV.

> **Sebagai pelarian** – Keadaan yang sukar dan terpinggir dihadapi oleh wanita dan kanak-kanak perempuan dalam kumpulan tersebut membuatkan mereka terdedah kepada jangkitan dan penyebaran HIV. Mereka dikesan dengan HIV dan

AIDS diberi akses kepada perkhidmatan kesihatan kerajaan. (Kementerian Kesihatan, 2007)

> **Sebagai mangsa perdagangan manusia** – Tiada maklumat diperolehi yang menunjukkan kadar jangkitan kalangan wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa industri itu. Situasi mereka yang begitu terdedah dengan HIV menyukarkan segala usaha wanita ini mengamalkan kelakuan seks yang lebih selamat serta memperoleh manfaat daripada sebarang program pencegahan HIV.

Sehingga 2007, mereka yang dijangkiti HIV adalah seramai 80,938 orang. Mereka terdiri daripada kalangan kanak-kanak di bawah usia 13 tahun seramai 80,174 orang, manakala wanita (6,834) dan kanak-kanak di atas usia 13 tahun (58 orang)

Sebanyak 4,549 kes baru dilaporkan pada 2007. Kanak-kanak berusia 13 tahun ke atas dijangkiti HIV mempunyai bilangan seramai 4,549 orang, wanita (745) dan kanak-kanak di bawah usia 13 tahun seramai 131 orang. Jumlah kematian akibat Aids adalah seramai 1,179 orang, manakala golongan lelaki mencatatkan 1,048 orang dan wanita (131).

Sebanyak 72 peratus kes dilaporkan mendapat jangkitan HIV adalah kaum Melayu, diikuti oleh Cina (14.7 peratus), India (8.1 peratus), orang asing (3.4 peratus), Bumiputera Bawah (0.5 peratus), Bumiputera Sarawak (0.04 peratus) dan Orang Asli (0.04 peratus).



Wanita yang bekerja sebagai pekerja seks mempunyai akses kepada perkhidmatan pencegahan HIV yang terhad